

Cabaran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) Menangani Masalah Sosial di Kelantan Sehingga 1930-an

*The Challenge Faced by Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) in
Dealing With Social Problems in Kelantan Until 1930's*

Muhamad Haris Sawalludin, Khairi Ariffin
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia
Email: harisupsi@gmail.com

Abstrak

Sejak penubuhannya pada tahun 1915, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) telah dipertanggungjawabkan untuk mentadbir pelbagai aspek hal ehwal masyarakat Islam di Kelantan termasuklah hal yang berkaitan dengan masalah sosial. Antara masalah sosial yang perlu ditangani oleh MAIK ialah masalah salah laku seksual yang melibatkan pelacuran, khalwat dan bersekedudukan yang melibatkan masyarakat Islam Kelantan. Walau bagaimanapun, MAIK terpaksa menghadapi pelbagai cabaran dalam menangani masalah sosial tersebut daripada terus melarat. Lantaran itu, artikel ini membincangkan cabaran yang dihadapi oleh MAIK bagi menangani masalah sosial dalam kalangan masyarakat Islam di Kelantan.

Kata kunci: MAIK, cabaran, masalah sosial, pelacuran, khalwat, surat kuasa

Abstract

Since its establishment in 1915, the Council of Islamic Religion and Malay Kelantan Custom or known as Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) has been responsible for administering various aspects of the Muslim community in Kelantan, including the social-related problems. Among the social issues that need to be addressed by MAIK is the problem of sexual misconduct including prostitution, khalwat and cohabitation in Muslim community. Those social problems which most probably arise from the current ever changing situation occurred in Kelantan eventually became one of the trigger factors of MAIK. Consequently, MAIK has to face many challenges in addressing such problems from getting worse. Therefore, this article discusses the challenges faced by MAIK in tackling social problems among Muslim community in Kelantan.

Keywords: MAIK, challenges, social problems, prostitution, khalwat, surat kuasa

Pengenalan

Merujuk kepada laporan MAIK, masalah sosial yang melibatkan masalah salah laku seksual dalam kalangan masyarakat Islam Kelantan melibatkan masalah pelacuran, khalwat, bersekedudukan dan rogol. Walau bagaimanapun, masalah pelacuran lebih mendominasi laporan MAIK sejak institusi tersebut ditubuhkan.¹ Masalah pelacuran bukanlah masalah baharu kerana kegiatan tersebut telah wujud sebelum

¹ Penyata MAIK tahun 1917 telah memberi gambaran bahawa sebelum MAIK ditubuhkan, golongan pelacur di Kelantan "...dikatakan seperti kawan-kawan kambing yang tiada berasa malu aib kepada siapa-siapa sekalipun...". *Penyata MAIK 1917*. hlm. 14.

kemasukan imigran asing secara besar-besaran ke Kelantan. Setiausaha MAIK iaitu Megat Osman menyatakan bahawa punca penularan masalah salah laku seksual seperti pelacuran adalah;

“...tidak lain melainkan kejahatan yang telah terbiar daripadanya awal-awalnya yakni kejahatan yang kerajaan tidak ada mengambil tahu pada hal di dalam negeri Islam yang seperti Kelantan ini berkuasa memerintahnya menjalankan berbagai hukuman mengikut syariah yang boleh menyeksa dan memberhentikan sekalian maksiat...”²

Masalah tersebut semakin parah dengan kemasukan imigran asing yang bekerja di ladang-ladang yang dibuka oleh para pelabur Eropah.³

Walau bagaimanapun, masalah tersebut segera menjadi perhatian golongan cerdik pandai di Kelantan yang akhirnya membawa kepada penubuhan MAIK. Penubuhannya dilihat tepat pada waktunya kerana perubahan yang berlaku di Kelantan terutamanya setelah Kelantan dikuasai oleh British⁴ menyebabkan masalah sosial yang melibatkan masyarakat Islam Kelantan perlu segera disediakan penawar yang mujarab demi martabat agama Islam di Kelantan. Artikel ini menelusuri cabaran MAIK untuk menangani masalah sosial dalam kalangan masyarakat Islam di Kelantan. Perbincangan ini juga secara keseluruhannya memperlihatkan kerenah anggota masyarakat yang terlibat dalam masalah sosial tersebut.

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)

Penubuhan MAIK adalah hasil buah fikiran tiga orang tokoh penting negeri Kelantan pada masa tersebut, iaitu Haji Nik Mahmud bin Haji Wan Ismail (Dato’ Bentara Setia yang kemudiannya bergelar Dato’ Perdana Menteri Paduka Raja), Haji Muhammad bin Haji Muhammad Said (kemudiannya bergelar Dato’ Laksamana) dan Haji Muhammad Yusuf bin Ahmad (lebih dikenali sebagai Tok Kenali).⁵ Usaha membangunkan masyarakat Islam Kelantan dalam aspek agama Islam dan adat Melayu dilihat amat penting kerana perkara tersebut tidak disentuh oleh British berdasarkan Perjanjian Inggeris-Kelantan pada

²PMK 63/1920- Berkenaan dengan perempuan-perempuan jahat dan seorang yang bernama Minah binti Jusoh masuk kepada ugama Cina. hlm. 2.

³PBK 237/1915- Berkenaan dengan perempuan jahat dan orang-orang Hindu dan Cina menggunakan perempuan Islam dan mengadakan undang-undang menegahkan baginya. hlm. 1. Menurut kenyataan daripada *Kelantan Planters Association*, “...Malays may be ignored as a labour force as European Estates in Kelantan, as their work is irregular, owing to the fact that most of them have land to cultivate, while the remainder are occupied in other pursuits”. Lihat C.O. 273/399. Kelantan Planters Association kepada Arthur Young. 15 Mei 1913. f. 206-207.

⁴Kelantan dikuasai oleh British melalui Perjanjian Inggeris-Siam 1909 (*Anglo-Siamese Treaty of 1909*). Lihat kandungan Perjanjian Inggeris-Siam 1909 dalam C.O. 273/353. Ralph Paget kepada Sir Edward Grey. 30 Mei 1909. f. 246-247; Lihat juga C.O. 273/354 Foreign Office kepada Colonial Office. 25 Ogos 1909. f. 159; Kelantan menerima penasihat iaitu William Armstrong Graham dan penolongnya iaitu H.W. Thompson untuk memberi nasihat kepada Sultan Kelantan dalam semua hal kecuali yang berhubung kait dengan agama Islam dan adat istiadat orang Melayu. Lihat G. Maxwell dan W. S. Gibson (1924). *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*. London: James Truscott and Son. hlm. 85-88.

⁵William R. Roff (1974). *The Origins and Early Years of The Majlis Ugama*. Dalam *William R.Roff (ed.). Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. hlm. 125-126; Abdul Razak Mahmud (2005). *Ikhtisar Sejarah Kelantan*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press. hlm. 57; Abdul Rahman Al-Ahmadi (1995). *Pokok Pemikiran Haji Mohamad Yusuf bin Ahmad al-Kenali (Tok Kenali)*. Dalam Ismail Hussein, A. Aziz Deraman & Abd. Rahman Al-Ahmadi. *Tamadun Melayu Jilid Empat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 1412.

tahun 1910.⁶ Peluang yang terhidang bagi memperbaiki kelemahan yang wujud melalui pentadbiran Islam di Kelantan telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh tiga orang tokoh pencetus penubuhan MAIK dengan sokongan Sultan Muhammad ke-IV dan Penasihat British. Penubuhan MAIK merupakan suatu keperluan dan tuntutan semasa berikutan beberapa perubahan yang merugikan umat Islam yang berlaku di negeri Kelantan dalam aspek politik, ekonomi dan sosial pada masa tersebut.⁷ Hal ini bertepatan dengan titah Sultan Muhammad ke-IV semasa upacara pemasyhuran penubuhan MAIK pada 24 Disember 1915. Baginda menitahkan bahawa:

“Ketahuilah olehmu bahawasanya inilah Majlis yang pertama kali dibuka di dalam negeri Kelantan dari semenjak Almarhum baginda sultan-sultan yang dahulu daripada kita dan bukan pula baginda-baginda itu lali atau terlupa daripadanya. Akan tetapi oleh sebab masa itu belum lagi disayugikan membuka dan mengadakan Majlis yang seperti ini jadi tidaklah kamu sekalian dapat menyambut akan dia bagaimana kita yang kita kurnia kepada kamu ini.”⁸

Titah Sultan Muhammad ke-IV menggambarkan bahawa keadaan semasa yang melibatkan survival umat Islam di Kelantan terutamanya pada awal ke-20 menuntut kepada sebuah pentadbiran Islam yang lebih berkesan diwujudkan bagi memperbaiki keadaan tersebut daripada terus merosot. Jika dibiarkan tanpa diusahakan sebarang penambahbaikan, masalah tersebut terus menjadi semakin parah dan seterusnya merugikan umat Islam di Kelantan sendiri. MAIK atau Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu atau Majlis⁹ telah ditubuhkan melalui kelulusan oleh Dewan Negeri pada 7 Disember 1915.¹⁰ Sultan Muhammad ke-IV yang mengisytiharkan penubuhan MAIK pada 24 Disember 1915¹¹ menitahkan bahawa “...pada hari Selasa 30 hari bulan Muharam tahun 1334 bersamaan dengan 7 Disember 1915 ini sesungguhnya telah suka mengurniakan kepada anak-anak negeri kita satu majlis yang diberi nama “Majlis Ugama dan Istiadat Melayu”¹² kerana menimbangkan bagi kebajikan negeri Kelantan.”¹³

⁶ Abdul Razak Mahmud (2013). *Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK): Sejarah Penubuhan dan Kegiatan Awalnya Sehingga 1925*. Dalam Mahmood Zuhdi Hj Abd Majid, Abdul Razak Mahmud & Nik Safiah Karim (ed). *Puri Kencana: Kecemerlangan Satu Abad Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. hlm. 18.

⁷ Mahmood Zuhdi Haji Abd. Majid (2013). *Pentadbiran Fatwa di Negeri Kelantan: Prestasi 100 Tahun di Bawah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*. Dalam Mahmood Zuhdi Hj Abd Majid, Abdul Razak Mahmud & Nik Safiah Karim (ed). *Puri Kencana: Kecemerlangan Satu Abad Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. hlm. 759-760.

⁸ Titah Ucapan DYMM Sultan Kelantan, Sultan Muhammad Yang Ke-4, Upacara Penubuhan Majlis Agama Islam Kelantan 24 Disember 1915.

⁹ Istilah Majlis yang merujuk kepada MAIK biasa digunakan dalam fail-fail, laporan, perbualan dan penerbitan MAIK terutamanya sebelum istilah MAIK. Dalam penulisan ini, penulis menggunakan istilah MAIK kerana istilah ini digunakan secara rasmi pada hari ini bagi merujuk kepada institusi agama tersebut.

¹⁰ Moshe Yegar (1979). *Islam and Islamic Institutions in British Malaya: Policies and Implementation*. Jerusalem: The Magnes Press. hlm. 75; PBK 114/1916- Perkara empat orang ahli Majlis Agama minta mengadakan undang-undang yang khas bagi tubuh Majlis itu. hlm. 1.

¹¹ *Penyata MAIK 1916*. hlm. 1; Editor. 1919. Ulang Tahun yang Ketiga Bagi Majlis Ugama Islam. *Pengasuh*. Bil. 13(1). hlm. 7.

¹² Walaupun tiada perkataan “Islam” pada nama pertubuhan ini yang merujuk kepada titah ucapan Sultan Muhammad ke-IV, tetapi Penyata MAIK tahun 1916 meletakkan perkataan “Islam” pada nama pertubuhan yang dimasyhurkan itu. Lihat *Penyata MAIK 1916*. hlm. 1.

¹³ Titah Ucapan DYMM Sultan Kelantan, Sultan Muhammad Yang Ke-4, Upacara Penubuhan Majlis Agama Islam Kelantan 24 Disember 1915; Abdul Razak Mahmud. 1990. *Tujuh Puluh Lima Tahun Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*. *Pengasuh*. Bil. 507(12). hlm. 7.

Penubuhan MAIK juga merupakan penzahiran rasa tanggungjawab golongan ulama dan bijak pandai Melayu Kelantan yang menyifatkan perlunya dua komponen sosial iaitu agama dan istiadat Melayu diperkasakan bagi memastikan kelangsungannya naungannya di bawah naungan British. Jika dibiarkan, tidak mustahil campur tangan British dalam hal ehwal agama dan adat Melayu terus berlaku walaupun perjanjian yang termeterai antara British dengan Kelantan pada tahun 1910 jelas memperakukan bahawa agama Islam dan adat istiadat Melayu tidak disentuh oleh British.¹⁴ Oleh itu, jelaslah bahawa kedua-dua komponen tersebut, iaitu agama dan istiadat Melayu merupakan pasak yang perlu dipelihara dan didaulatkan demi kebajikan dan kesejahteraan masyarakat Islam Kelantan.

Cabaran MAIK dalam Menangani Masalah Sosial

Dalam usaha menangani masalah sosial Kelantan, pelbagai cabaran telah dihadapi oleh MAIK, antaranya;

Keselamatan Semasa Tangkapan Dilakukan

Keselamatan merupakan aspek terpenting dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan selain kejayaan melaksanakan pekerjaan tersebut. Berhubung dengan hal tersebut, pemegang “surat kuasa” yang berkuasa menangkap mereka yang terlibat dalam masalah salah laku seksual tidak terlepas daripada pelbagai cabaran dan kerehian daripada mereka yang terlibat. Lantaran itulah, peraturan dalam tugas menangkap mereka yang terlibat dengan masalah salah laku seksual disertakan dalam “surat kuasa” tersebut. Perkara yang menjadi penekanan dalam “surat kuasa” tersebut ialah:

“...kenalalah dijalankan syarat itu dengan berhemah.”¹⁵

Hal ini bermaksud, tugas yang berkaitan dengan menahan dan menangkap mereka yang terlibat perlu dilakukan dengan tertib dan berkesan. Perkara ini menjadi penekanan oleh pentadbiran MAIK kerana pelbagai perkara yang tidak diinginkan mungkin boleh berlaku dalam mana-mana tangkapan yang dijalankan oleh pemegang “surat kuasa”. Antara masalah yang dikesan pernah berlaku semasa tangkapan dilakukan adalah berlakunya pertengkaran dan pergaduhan semasa tangkapan dijalankan.

Dalam fail MAIK 228/192, Peggawa Temangan melaporkan bahawa usaha menangkap pelacur di sebuah rumah kongsi Cina kereta api agak sukar kerana kegiatan pelacuran tersebut dilindungi oleh imigran Cina. Sehubungan dengan itu, beliau berharap waran tangkap dikeluarkan demi memastikan tangkapan tersebut berjalan dengan lancar.¹⁶ Hal ini menunjukkan bahawa, tugas menangkap mereka yang terlibat dengan masalah salah laku seksual memerlukan perancangan yang benar-benar teliti bagi mengelakkan timbulnya sebarang masalah.

Berhubung dengan peranan pemegang “surat kuasa” tersebut, mereka perlu bijak meramal dan membuat keputusan yang tepat dalam berhadapan dengan sebarang masalah semasa tangkapan dijalankan.¹⁷ Sehubungan dengan itu, bantuan daripada pihak polis amat penting dalam melancarkan setiap kali tangkapan dilakukan. Pergaduhan yang mungkin timbul semasa tangkapan dilakukan boleh sahaja menggagalkan tangkapan tersebut selain membawa kecederaan kepada mereka yang berada di kawasan tersebut. Dalam fail MAIK 270/1923, Haji Ismail yang mengetuai tangkapan di Stesen Kereta

¹⁴Abdul Razak Mahmud (2010). *MAIK: Peranannya Dalam Bidang Keagamaan, Persekolahan dan Penerbitan di Kelantan Sehingga 1990*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 10.

¹⁵MAIK 228/1921- Minta kuasa menangkap perempuan jahat yang berkhawat di dalam daerah Temangan kerana pada masa ini banyak benar perempuan jahat di sana. hlm. 4.

¹⁶*Ibid.* hlm. 3.

¹⁷Gary Yukl (2010). *Leadership in Organizations*. (7th Ed.) New Jersey: Prentice Hall. hlm. 418.

Api Palekbang melaporkan bahawa semasa beliau mahu menangkap pelacur di tempat tersebut, pekerja-pekerja di landasan kereta api hendak menghalangnya dengan menggunakan senjata.¹⁸

Laporan tersebut membuktikan bahawa, kegiatan pelacuran tersebut telah dilindungi oleh pekerja di landasan kereta api tersebut yang merupakan imigran dari luar. Lantaran itulah, pelacur tersebut tidak mengendahkan arahan supaya dapat dibawa ke rumah pasung. Tindakan agresif imigran tersebut mudah untuk difahami kerana mereka merasakan hak mereka telah diganggu gugat oleh pihak luar. Sehubungan dengan itu, mereka sepakat melindungi hak mereka tersebut. Dari satu segi, ketidakseimbangan gender dalam kalangan imigran telah merangsang kegiatan pelacuran di Kelantan, iaitu kebanyakan, iaitu kebanyakan pelacur yang terlibat ialah pelacur Melayu. Dalam usaha mengekang masalah salah laku seksual, isu keselamatan tidak dapat dielakkan kerana mereka yang diberi kuasa menangkap mereka yang terlibat dalam kegiatan tersebut terpaksa berhadapan dengan tindakan agresif daripada mereka yang terlibat.

Ragam Golongan yang Terlibat

Ragam atau kerenah dalam kalangan mereka yang terlibat dengan masalah salah laku seksual merupakan antara cabaran bagi pemegang “surat kuasa”. Lantaran itulah, aspek kebijaksanaan dalam membuat sebarang keputusan amat penting bagi pemegang “surat kuasa” untuk menjamin kejayaan semasa tangkapan salah laku seksual dilakukan. Ragam atau kerenah yang biasa dikesan dalam laporan MAIK ialah melarikan diri. Tindakan tersebut diambil bagi mengelakkan sebarang tindakan undang-undang dikenakan ke atas mereka yang terlibat.

Dalam fail MAIK 338/1922, dinding rumah terpaksa dipecahkan oleh wakil MAIK yang membuat tangkapan. Tindakan tersebut terpaksa diambil kerana mereka yang berkhawat enggan memberikan kerjasama. In. Hasan dalam laporannya telah menukilkan bahawa beliau mendapat khabar tentang seorang pelacur bernama Aisyah binti Yusof dari Kampung Seberang Pekan yang berkhawat dengan lelaki Cina. Semasa tangkapan dibuat, mereka berdua tidak mahu membuka pintu. Lantaran itu, In. Hasan terpaksa memecahkan dinding belakang rumah tersebut untuk menangkap pasangan tersebut.¹⁹ Keputusan untuk memecahkan dinding rumah tersebut bukanlah keputusan yang terburu-buru kerana arahan supaya membuka pintu telah diberikan terlebih dahulu. Dalam hal ini, keputusan yang tepat telah diambil oleh In. Hasan bagi mengelakkan pasangan tersebut daripada berjaya meloloskan diri.

Di samping itu, nama baik MAIK dan nama baik pemegang “surat kuasa” perlu dipelihara kerana perkara tersebut ditegaskan oleh Setiausaha MAIK dalam “surat kuasa” yang dikurniakan kepada mereka yang berkeelayakan.²⁰ Dengan peringatan tersebut, pihak pemegang “surat kuasa” sentiasa beringat dan bijak dalam mengambil sebarang tindakan supaya tidak merugikan diri dan pentadbiran MAIK sendiri. Sehubungan dengan itu, wakil MAIK yang dikurniakan surat kuasa tersebut berada di antara dua persimpangan, iaitu dari satu sudut pemegang “surat kuasa” harus menuruti saranan MAIK supaya setiap tangkapan dijalankan dengan berhemah, manakala dari satu sudut yang lain pula, mereka terpaksa bergelumang dengan pelbagai ragam dan kerenah daripada pelaku masalah salah laku seksual. Sehubungan dengan itu, bukan calang-calang orang yang boleh dikurniakan “surat kuasa” tersebut kerana mereka yang berkeelayakan perlu bersedia dari aspek fizikal dan mental kerana sebarang kemungkinan boleh berlaku semasa tangkapan dijalankan. Jika perkara tersebut diabaikan, bukan mereka sahaja yang ditimpa masalah, nama baik MAIK juga akan turut terjejas.

¹⁸MAIK 270/1923- Report yang dia telah tangkap perempuan Wok binti Awang pasal berkhawat dengan Ratna ... kereta api Stesen Palekbang pada pukul 9 ½ malam 14. 11. 23. hlm. 1.

¹⁹MAIK 338/1922- Report telah tangkap perempuan jahat nama Aisyah binti Jusoh yang berkhawat dengan Cina Seng di Kampung Cina pada malam 6.11.22 waktu pukul 12 ½. hlm. 1.

²⁰MAIK 9/1921- Report darihal perempuan-perempuan sundal pada masa ini terlalu banyak di dalam bandar Pasir Mas. hlm. 3.

Disebabkan tugas yang agak renyah inilah yang menyebabkan pentadbiran MAIK agak “cerewet” dalam meluluskan permohonan “surat kuasa” tersebut. Dalam penelitian pengkaji, terdapat permohonan yang ditolak seperti yang berlaku kepada Mamat bin Jusoh yang menjawat jawatan sebagai Imam Tua di Surau Bachok. Keputusan MAIK tersebut menurut Setiausaha MAIK, lantaran tindakan Mamat yang kurang bijak dalam menguruskan tangkapan salah laku seksual di samping menggunakan saksi yang tidak berkelayakan dalam kes sebelum ini. Tambah Setiausaha MAIK lagi, tindakan tersebut tidak layak dilakukan oleh seorang pegawai agama sepertinya.²¹ Ketegasan Setiausaha MAIK tersebut mudah untuk difahami kerana kerja-kerja tangkapan salah laku seksual tidak boleh diambil mudah kerana kesalahan salah laku seksual melibatkan ketidakpatuhan terhadap ajaran Islam di samping pelbagai cabaran yang perlu ditempuhi oleh pemegang “surat kuasa”.

Pada hakikatnya, jawatan yang disandang oleh Mamat sebenarnya sudah jelas melayakkannya dikurniakan “surat kuasa” oleh MAIK. Bukan itu sahaja, permohonan tersebut pula seharusnya mudah mendapat kelulusan kerana dibuat menerusi pihak Kadi Bachok sendiri.²² Walau bagaimanapun, rekod Mamat sebelum ini yang kurang memuaskan sebagai pemegang “surat kuasa” menyebabkan MAIK menidakkan permohonannya itu.²³ Tindakan tersebut bukanlah melambangkan kedegilan MAIK untuk bertoleransi terhadap pegawai surau yang memohon “surat kuasa” kerana MAIK berpegang kepada dasarnya iaitu salah laku seksual perlu dijalankan dengan berhemah dan berkesan untuk menjaga nama baik pemegang “surat kuasa” dan juga nama baik MAIK. Ketegasan pihak MAIK dalam mengurniakan “surat kuasa” tersebut ada asasnya dan dibuat setelah pelbagai pertimbangan dilakukan.

Selanjutnya, kerenah yang dihadapi oleh MAIK ialah keengganan mereka yang bersekedudukan untuk ke rumah pasung. Abdul Rahman yang mengetuai tangkapan di Tumpat tersebut melaporkan bahawa Selamah dan Tek Gee menunjukkan kedegilan mereka dengan menyatakan bahawa jika Sultan Kelantan hadir menangkap mereka sekalipun mereka tidak akan ke rumah pasung. Kedegilan mereka menyebabkan Abdul Rahman meminta bantuan daripada pihak polis untuk menangkap pasangan tersebut.²⁴

Tindakan mereka yang menggunakan nama Sultan Kelantan tersebut menunjukkan kedegilan mereka dan secara langsung menunjukkan lemahnya pegangan agama Selamah yang bersekedudukan dengan lelaki Cina tersebut. Lantaran itulah, kerjasama daripada pihak polis amat penting bagi melicinkan tangkapan tersebut. Dalam laporan lain juga, kerjasama daripada pihak polis diperlukan semasa In. Hasan melakukan tangkapan terhadap Jah binti Samat yang telah bersekedudukan dengan lelaki Cina.²⁵ Ragam dan kerenah mereka tersebut perlu dihadapi oleh pemegang “surat kuasa” dengan bijaksana bagi memastikan mereka yang terlibat dengan masalah salah laku seksual dapat diberkas dengan mudah.

Disebabkan pelbagai ragam dan kerenah daripada mereka yang terlibat dengan masalah salah laku seksual tersebut, kepentingan pihak polis amat terserlah. Hal ini ditegaskan dalam surat yang ditulis oleh Setiausaha MAIK kepada Setiausaha Kerajaan Kelantan. Beliau menegaskan bahawa jika pihak polis tidak turut serta membantu pemegang “surat kuasa” dalam tangkapan salah laku seksual, mereka yang terlibat lebih cenderung menggunakan kekerasan yang akhirnya boleh menyebabkan perkara yang tidak diingini berlaku.²⁶

²¹MAIK 276/1931- Berkenaan dengan Maryam. In. Yam binti In, Ishak, Zainab dan Zainab membuat perkara yang ditegah oleh hukum syarak di dalam bandar Bachok itu. hlm. Muka hadapan fail.

²²*Ibid.* hlm. 5.

²³*Ibid.* hlm. 6.

²⁴MAIK 235/1932- Report tangkap perempuan-perempuan yang berkhawat iaitu Cina Beng dengan In. Sofiah dan Cina Tek Gee dengan Selamah tangkap pada malam 6.10.23 di Tumpat. hlm. 1.

²⁵MAIK 302/1920- Tangkap seorang perempuan Melayu nama Jah binti Samad berkhawat dengan seorang Cina nama Poh Alok bangsa Hailam. Berkhawat di gudang bernombor (537) Jalan Tuan Besar. hlm. 1.

²⁶MAIK 61/1929- Tuan Komisioner Polis mengadu di dalam perkara Majlis Ugama menggunakan mata-mata gelap bagi menangkap perempuan-perempuan jahat. hlm. 1.

Surat daripada Setiausaha MAIK tersebut memberi gambaran bahawa, pemegang “surat kuasa” tidak mampu untuk berhadapan dengan tindakan agresif yang keterlaluan daripada mereka yang terlibat. Ragam dan kerenah yang sukar dijangka inilah yang menuntut bantuan daripada pihak polis bagi memudahkan tangkapan dilakukan. Hal ini kerana, mereka yang terlibat sanggup berbuat apa sahaja untuk mengelakkan diri mereka daripada ditangkap dan seterusnya didakwa oleh pihak Mahkamah Syariah atau Mahkamah Kadi.

Tidak Insaf Dengan Hukuman yang Dijatuhkan

Orang Islam yang ditangkap kerana melakukan kesalahan yang berkaitan dengan masalah salah laku seksual didakwa di Mahkamah Kadi atau Mahkamah Syariah. Pihak mahkamah seterusnya memutuskan bentuk hukuman ke atas mereka jika didapati bersalah berdasarkan notis yang dikeluarkan oleh kerajaan. Hukuman yang dikenakan adalah berbentuk denda, penjara, dihalaui keluar daripada bandar dan diarak menggunakan kereta lembu.

Walau bagaimanapun, ada diantara mereka dijatuhi hukuman kerana berkhawat oleh pihak mahkamah, tidak merasa insaf dengan hukuman yang dikenakan ke atas mereka dan cenderung untuk terus melakukan perkara yang dilarang tersebut. Surat daripada Peguam MAIK kepada Dato’ Mufti Haji Idris menjelaskan bahawa:

“Kes jenayah Syariah nombor 188/21 saya telah bawa pendakwaan. Dalam pendakwaan itu saya telah nyatakan minta mahkamah menjatuhkan hukuman (bila sabit) dengan hukuman yang menggerunkan mereka melakukan kejahatan itu maka kes itu telah disabitkan pendakwaan saya tetapi didenda di atas enam orang tiap-tiap seorang \$15.00 dan yang dua orang tiap-tiap satu \$10. Yang demikian saya pohonkan timbangan tuan di atas permintaan saya itu kerana nampaknya denda itu tidak sekali mendatangkan ketakutan bahkan disenda-senda sehingga seorang salah itu bernama Mek berkata di jalan-jalan saya sendiri dan yang dia nanti jalankan semula kerana apa nak ditakutkan hanyalah \$15.”²⁷

Sesuatu hukuman dijatuhkan supaya mereka yang terlibat berasa insaf dan tidak sesekali mengulangi perbuatan yang tidak bermoral tersebut. Walau bagaimanapun, hukuman tersebut bergantung kepada setiap individu yang terlibat. Dalam kes tersebut, kemungkinan Mek mempunyai kemampuan untuk membayar denda yang diputuskan oleh pihak mahkamah. Lantaran itu, beliau merasakan hukuman denda tersebut begitu ringan dan dia tidak merasa insaf. Walau bagaimanapun, Kadi Besar memberikan alasan seperti berikut:

“Adapun sebab ditimbang denda atas tiap-tiap enam orang \$15.00 itu kerana didapati tempat melakukan itu ialah di rumah tempat bermain-main di dalam masa bekerja dan sebab ditimbang denda akuannya itu hendak berkahwin- bila lepas iddah maka dengan hal ini fikiran saya tidaklah lagi dijalankan maksud In. Hasan di atas mereka-mereka yang termaklum itu. Dikecualikan- mereka itu melakukan pula kejahatan mengikut perkataan yang telah diejek-ejek dan bersenda-senda kepada In. Hasan. Maka disitulah mahkamah menimbangkan bil-sabitnya.”²⁸

Berdasarkan kenyataan Kadi Besar, pihak mahkamah mempunyai alasan yang kukuh apakala menetapkan denda sebanyak \$15. Walau bagaimanapun, pihak mahkamah turut mengambil tindakan

²⁷MAIK 276/1921- Tangkap empat kelamin perempuan jahat berkhawat dengan Siam menora di Pasir Emas ditangkap pada 27 Julai 1921. hlm. 2.

²⁸*Ibid.* hlm. 3.

terhadap aduan In. Hasan berkenaan dengan kata-kata Mek yang disifatkan oleh In. Hasan sebagai mempersendakan hukuman tersebut. Secara umumnya, segala bentuk hukuman berkenaan dengan kesalahan yang melibatkan salah laku seksual seperti khalwat dan pelacuran tertakluk kepada notis yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, terdapat juga pihak yang kurang berpuas hati dengan hukuman yang dikenakan ke atas mereka. Hal ini kerana, terdapat dalam kalangan mereka yang disabitkan dengan kesalahan melacurkan diri telah dibebaskan dengan membayar denda tetapi kembali semula melakukan kegiatan yang tidak bermoral tersebut. Kadi Ulu Kelantan, Haji Kechik dalam suratnya kepada Dato' Lela Diraja, Setiausaha MAIK telah mengusulkan bahawa:

“Bagi timbangan Dato' telah saya meulangi fikir di dalam perkara berkenaan dengan hukuman denda ke atas perempuan-perempuan jahat yang terlampau zahir bagaimana yang telah dijalankan mana-mana mahkamah yang berkuasa berkenaan itu maka nampaknya tidak hendak membawa kepada berhenti daripada melakukan perkara yang kotor dan keji ini melainkan Majlis dijalankan dengan hukuman yang lain-lain pula ke atas perempuan-perempuan jahat bagaimana yang ada sekarang ialah dengan hukuman rotan ... maka nampaknya ada takut dan lari daripada udara yang kotor dan keji...”²⁹

Kadi Ulu Kelantan mencadangkan supaya hukuman rotan dikenakan kepada para pelacur supaya mereka tidak mengulangi perbuatan yang tidak bermoral tersebut. Walau bagaimanapun, pihak MAIK memutuskan bahawa cadangan tersebut tidak dapat dilaksanakan pada masa tersebut. Menurut Setiausaha MAIK:

“...saya fikir apakala dengan rotan, pekerjaan yang aib ini tidak akan berhenti selagi ada perempuan itu mempunyai kebebasan seperti pada masa ini.”³⁰

Tambah beliau lagi, hukuman rotan tersebut menurut beliau agak sukar hendak mendapat kelulusan daripada pihak kerajaan.³¹ Dari satu segi, reaksi Haji Kechik yang mencadangkan supaya hukuman yang lebih berat dikenakan menunjukkan keprihatinan beliau supaya masalah pelacuran dapat ditangani dengan lebih berkesan. Walau bagaimanapun, hakikatnya hukuman semata-mata bukanlah penawar kepada masalah sosial tersebut. Hal ini kerana, masalah tersebut berpunca daripada pelbagai faktor terutamanya faktor lemahnya pegangan agama dalam kalangan masyarakat Islam yang kebanyakan mereka hanya menjadikan Islam sebagai anutan semata-mata.

Melarikan Diri Daripada Dikenakan Tindakan

Bagi mengelakkan daripada dikenakan tindakan oleh pihak MAIK, terdapat sebahagian mereka yang melakukan perbuatan khalwat, bersekedudukan, rogol dan pelacuran telah melarikan diri ke tempat lain. Antaranya ialah Mek Som yang melarikan diri tatkala menyedari bahawa ada pihak yang mahu menangkapnya kerana bersekedudukan dengan pasangannya. Dalam kes ini, In. Hasan yang merupakan Peguam MAIK, In. Mat dan In. Abu Bakar mahu menangkap beliau dengan pasangannya iaitu seorang Cina bernama Ehak kerana telah:

²⁹MAIK 15/1922- Tentang perempuan jahat itu nampaknya tidak memberi bekas dan Tuan Kadi minta ubah dengan hukuman rotan. hlm. 1.

³⁰*Ibid.* hlm. Muka hadapan fail.

³¹*Ibid.*

“...bermain lama sudah sehingga duduk seperti laki bini...”³²

Walau bagaimanapun, faktor persekitaran tempat tersebut menyebabkan Mek Som mudah melarikan diri. In. Hasan dalam laporannya menyatakan bahawa:

“Pergi turut tangkap keduanya turut dari belakang dapatnya Ehak berdua Mek Som pergi ke kedai kopi kedai Nik Kampung Cina dari situ terus keduanya balik ke rumahnya (rumah Boo Lin) perjalanan itu berhimpit dan di dalam gelap yang boleh diperangkap perkahlwat yang sah kesalahannya. Apabila nyata kedua masuk ke dalam rumahnya itu budak saya datang mintakan kepada saya dan saya telah pergi dengan ramai-ramai maka susah hendak masuk kerana anjing-anjing bengkung banyak oleh sebab itu terpaksa saya panggil hampir satu jam bila ada dia orang buka bila dibuka saya naik periksa tetapi tidak berjumpa Mek Som hanyalah Ehak sahaja. Dalam periksaan itu saya tengok satu pagar rendah dirusuk rumahnya ada ... bekas orang lari tetapi saya tak boleh pergi kerana terlampau semak dan banyak anjing dan kekotoran. Maklum rumah Cina.”³³

Kenyataan tersebut menjelaskan bahawa kejayaan Mek Som melarikan diri adalah disebabkan keadaan persekitaran yang gelap, semak dan banyak anjing. Dari satu segi, Mek Som dan pasangannya bijak dalam memilih tempat untuk bersekedudukan kerana bukan sahaja kedudukan rumah tersebut yang sememangnya terpencil malahan agak bersemak dan mudah untuk melarikan diri. Berbanding dengan laporan tersebut, terdapat pula laporan berkenaan dengan seorang lelaki yang meninggalkan pasangan khalwatnya bagi mengelakkan dirinya ditangkap iaitu In. Ali bin Osman yang melarikan diri apabila Haji Wan Hasan yang merupakan Imam Tua Masjid Kampung Laut mahu menangkapnya kerana berkhalwat dengan Halimah binti Musa. Haji Wan Hasan menyatakan bahawa:

“...saya pergi ke rumah perempuan itu didapati ada betul duduk bersekali perempuan dengan laki-laki itu bila laki-laki itu menengok saya ia pun lari selalu dan dapat tangkap perempuan seorang sahaja...”³⁴

Perkara yang serupa juga berlaku apabila seorang lelaki yang berkhalwat berjaya melepaskan diri daripada ditangkap sedangkan pasangannya pula dapat ditangkap dan dibawa ke rumah pasung. Setiausaha MAIK iaitu Megat Osman yang mengetuai tangkapan tersebut dalam laporannya menukikan bahawa:

“Maka saya pun pergi menghampiri pintu rumah yang tersebut itu bersama-sama dengan Nik Umar bin Haji Nik Ali, Awang Nik Mustapha dan Ja'fari Wan Sulaiman serta saya suruh buka pintu. Telah berseru-seru saya dengan Nik Umar beberapa kali menyuruh membuka pintu tetapi tidak sahut oleh orang-orang yang di dalam rumah itu, pintu berselak-selak saya dengan kuat tetapi pelita mula-mulanya ada nampak. Apakala diseru dua tiga kali pelita itu pun nampaknya dipadamkan dan oleh sebab gelap itu laki itu telah

³²MAIK 211/1922- Telah tangkap sekelamin perempuan jahat yang berkhalwat pada malam 2.7.22 nama Yusuf Pak Muda dengan Membunga anak Mek Nal Penambang. hlm. 4.

³³*Ibid.*

³⁴MAIK 21/1924- Report ke Majlis yang dia telah tangkap orang berkhalwat nama perempuan Halimah binti Musa dengan Incik Ali bin Osman tangkap pada malam 21 Januari 1924. hlm. 1.

dapat turun dari rumah itu mengikut lantai yang ... dan lari tetapi perempuan itu tertinggal di belakang.”³⁵

Hal ini menunjukkan bahawa, demi menyelamatkan diri daripada ditangkap, mereka sanggup melarikan diri meninggalkan pasangan masing-masing. Tindakan tersebut merupakan reaksi spontan daripada mereka yang terlibat kerana bimbang dikenakan hukuman jika mereka berjaya ditangkap. Kebimbangan mereka tersebut amat terserlah sehingga mereka sanggup meninggalkan pasangan mereka.

Berbanding dengan laporan tersebut, terdapat juga pasangan khalwat yang telah bersama-sama melarikan diri ke Siam kerana bimbang diambil tindakan oleh pihak MAIK. Tindakan pasangan tersebut yang memilih Siam untuk melarikan diri amat mudah untuk difahami kerana kedudukan Siam yang bersempadan dengan Kelantan dan ditambah pula pentadbiran MAIK tidak mampu berbuat apa-apa kerana pasangan tersebut berada di luar Kelantan. Surat Penggawa Peringat iaitu Haji Awang Mahmud kepada Setiausaha MAIK menyatakan bahawa:

“...saya dapati seorang nama Abu Seman bin Haji Awang Kampung Alur Bakat telah berkhawat dengan seorang nama Mek binti Awang Besar Kampung Gertak Melur saya sendiri dan Wan Umar anak saya tengok pada waktu yang tersebut itu mereka itu tidur dalam rumah Hitam binti Qadir Kampung Gertak Melur. Seolah-olah macam laki bini ada pun perempuan itu janda daripada si mati Abdul Karim iddahnya belum habis lagi.”³⁶

Kenyataan tersebut jelas menunjukkan bahawa pasangan tersebut telah bersekedudukan walaupun Mek belum lagi habis iddah. Malangnya, tatkala wakil MAIK turun menyiasat laporan tersebut, Penggawa Daerah Peringat menyatakan bahawa Abu Seman dan Mek telah melarikan diri ke Siam.³⁷ Hal ini disebabkan:

“...gertak-gertak pihak Penggawa Peringat yang dikata hendak tangkap.”³⁸

Tindakan penggawa tersebut berkemungkinan mahu memberi amaran kepada mereka berdua supaya meninggalkan perbuatan yang tidak bermoral tersebut. Walau bagaimanapun, mereka akhirnya melarikan diri ke Siam kerana bimbang didakwa dan seterusnya dikenakan hukuman atas kelakuan sumbang tersebut. Apabila mereka telah melarikan diri ke Siam, mereka secara langsung terlepas daripada dakwaan berkhawat tersebut.³⁹ Hal ini menjelaskan bahawa tindakan melarikan diri ke Siam merupakan jalan terakhir kepada mereka yang terlibat dengan masalah sosial daripada dikenakan tindakan oleh MAIK.

Selain itu juga, terdapat pelacur yang melarikan diri dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain bagi mengelakkan aktiviti mereka dikesan oleh pihak berkuasa dan seterusnya ditangkap. Tindakan MAIK yang melakukan tangkapan terhadap aktiviti pelacuran menyebabkan mereka yang terlibat dengan aktiviti tersebut melarikan diri ke tempat lain. Hal ini dibuktikan melalui usaha pembanterasannya di Kota Bharu yang menyebabkan pelacur di situ melarikan diri ke tempat lain seperti ke Kuala Kerai. Surat daripada Kadi Ulu Kelantan kepada Peguam Majlis menukulkan bahawa:

³⁵MAIK 95/1920- Seorang perempuan nama Bedah binti Awang Chek berkhawat dengan Abdullah bin Ya'akub perempuan itu bini Ahmad. Perempuan itu ditangkap oleh Setiausaha Majlis pada malam 9 Mac 1920. hlm. 1.

³⁶MAIK 91/1938- Report Seorang nama Abu Seman bin Haji Awang berkhawat dengan perempuan Mek binti Awang Besar Kampung Gertak Melur seperti laki bini diminta Majlis jalankan perdakwaan ke atas mereka itu. hlm. 1.

³⁷*Ibid.* hlm. 2.

³⁸*Ibid.*

³⁹*Ibid.* hlm. Muka hadapan fail.

“...perempuan-perempuan jahat banyaklah sekarang di Kuala Kerai kerana gempar terkena tangkap di Kota Bharu ialah lari masuk ke dalam jajahan Kuala Kerai kerana gemparan itu serta melaku mereka itu perkaranya dengan terang...”⁴⁰

Kenyataan tersebut cukup menggambarkan rasa bimbang mereka yang terlibat terhadap usaha yang dilakukan oleh MAIK tersebut. Apa yang menarik, pelacur-tersebut amat peka dengan tindakan yang dilakukan oleh MAIK dan mengambil langkah menyelamatkan diri bagi meneruskan kegiatan yang tidak bermoral tersebut.

Selain itu, terdapat juga tindak balas secara spontan dengan melompat ke luar rumah untuk melarikan diri daripada ditangkap kerana merogol isteri orang. Dalam laporan ini, Husin yang telah merogol Safiah berjaya melarikan diri dengan melompat dari atas rumah tatkala Pak Su Wan Chik, Penghulu Kampung Sabat, suami Safiah iaitu Awang Pak Su dan beberapa orang yang lain mahu menyelamatkan Safiah.⁴¹ Tindakan spontan Husin yang melompat dari atas rumah tersebut menunjukkan kebimbangannya jika dia berjaya ditangkap dan seterusnya dikenakan hukuman atas kesalahannya kerana merogol isteri orang iaitu Safiah.

Tindakan melarikan diri tersebut menunjukkan bahawa mereka yang terlibat berasa bimbang dengan tindakan yang dikenakan terhadap mereka jika mereka dapat ditangkap. Rasa bimbang dalam diri juga mula timbul tatkala menyedari aktiviti yang tidak bermoral tersebut disedari oleh pihak yang mahu menangkap mereka. Kebimbangan tersebut juga menimbulkan rasa malu dan penyesalan terhadap kesalahan yang mereka lakukan. Hal tersebut sebenarnya berkaitan dengan kecelaruan panik yang dihadapi oleh mereka yang terlibat. Kecelaruan panik dikesan melalui serangan mengejut yang menimbulkan kebimbangan dalam diri.⁴² Sehubungan dengan itu, tindakan melarikan diri merupakan tindakan biasa dalam kes-kes kendalian MAIK terutamanya mereka yang terlibat dengan masalah salah laku seksual disebabkan kecelaruan panik yang mereka hadapi.

Membuat Pengakuan Palsu

Bagi mengelakkan dikenakan tindakan oleh pihak MAIK, pelbagai cara dilakukan seperti menipu identiti sebenar mereka. Terdapat laporan tentang seorang perempuan bernama Jah binti Samad yang ditangkap kerana agak lama bersekedudukan dengan pasangannya iaitu Poh Alok berbangsa Hailam, telah menipu wakil MAIK dengan mengatakan dirinya bukan Melayu.⁴³ Tindakan tersebut adalah bagi mengelakkan pihak MAIK mendakwanya kerana bersekedudukan dengan orang bukan Islam. In. Hasan dalam laporannya kepada Setiausaha MAIK menyatakan bahawa:

“(2) Perempuan Melayu itu sebelum daripada dibawa ke rumah pasung yang dia telah mengaku di hadapan saya In. Leh In. Harun dengan akuan yang dia masih bersekali dengan Cina itu telah berapa lama serta katanya yang dia memakan sebarang makanan yang dimakan oleh Cina seperti babi dan lainnya dan ia sekarang seperti seorang Cina. Ia

⁴⁰MAIK 382/1920- Minta Majlis beri kuasa yang khas kepada Mahkamah Kadi Kuala Kerai supaya boleh menangkap perempuan-perempuan dan laki-laki yang jahat di bandar Kuala Kerai dan lainnya. hlm. 10.

⁴¹MAIK 362/1921- berkenaan dengan perempuan jahat nama Sofiah berkhawat dengan Husin Sofiah itu bini Awang Pak Su ditangkap di Sabak. hlm. 2.

⁴²Untuk keterangan lanjut mengenai kecelaruan panik, lihat Charles G. Morris (1996). *Understanding Psychology*. (3rd Ed.) New Jersey: Prentice Hall. hlm. 460-462.

⁴³MAIK 302/1920- Tangkap seorang perempuan Melayu nama Jah binti Samad berkhawat dengan seorang Cina nama Poh Alok bangsa Hailam. Berkhawat di gudang bernombor (537) Jalan Tuan Besar. hlm. 1.

suka duduk dengan Cina selama-lamanya kerana katanya ia tiada adik beradik dan ibu bapa.

(3) Penilikkan saya Dato' perempuan ini rupanya pun telah bersubahat dengan Cina kerana dilakukan kelakuan pakaian seperti orang Cina. Saya dengar khabar yang perempuan ini ada adik-beradik tetapi belum dapat khabar yang sah nama apa-apa demikianlah adanya."⁴⁴

Laporan daripada In. Hasan tersebut jelas menunjukkan bahawa Jah telah menyamar sebagai seorang Cina dengan memakai pakaian Cina bagi mengelirukan pihak yang menangkapnya. Tambahan pula, Jah juga menipu mengenai latar belakangnya dengan menyatakan bahawa dia merupakan sebatang kara. Keberanian Jah bertindak sedemikian disebabkan adanya sokongan daripada pasangannya yang merupakan seorang Cina. Konsep mekanisme bela diri⁴⁵ dengan cara penipuan diperlihatkan dalam kes ini yang mana tindakan Jah memberikan alasan yang tidak benar dilihat bertujuan untuk menutup kesalahannya. Walau bagaimanapun, ketelitian pihak MAIK terhadap kes tersebut menunjukkan bahawa pihak MAIK mampu melaksanakan tanggungjawab menangani masalah sosial dalam kalangan orang Islam dengan berkesan. Ketelitian tersebut membuktikan bahawa MAIK sememangnya mampu untuk mengendalikan masalah yang melibatkan salah laku seksual dalam kalangan masyarakat Islam di Kelantan.

Penglibatan Orang Bukan Islam

Selain memberikan nasihat dan amaran kepada orang tengah dan pelacur, tindakan yang sama juga dilakukan oleh MAIK terhadap mereka yang disyaki bersekedudukan dengan orang bukan Islam. Dalam hal ini, Penggawa Daerah Peringat iaitu Haji Wan Mahmud telah melaporkan berkenaan dengan:

"...ada dua orang perempuan duduk berkhalwat (1) orang dengan Sikh angkat batu jalan Kampung Bukit Kechik. Dan (1) dengan Melayu di Kampung Kuala Bungur."⁴⁶

Dalam penelitian MAIK terhadap laporan tersebut, MAIK:

"...bersetuju dipanggil mereka itu supaya diberi nasihat jangan mereka itu melakukan perkara yang tersebut."⁴⁷

Sehubungan dengan itu, MAIK meminta Haji Wan Mahmud membawa mereka yang terlibat ke Pejabat MAIK untuk diberi nasihat dan amaran.⁴⁸ Dalam kenyataannya, MAIK menegaskan bahawa:

"...telah diberi amaran kepada kedua-duanya dengan tidak boleh di antara keduanya pergi mari mendapat di antara satu dengan satunya melainkan dengan pekerjaan yang difikirkan harus."⁴⁹

⁴⁴*Ibid.*

⁴⁵Terdapat beberapa cara mekanisma bela diri seperti penafian, represi, projeksi, rasionalisasi, rosot kembali, pembentukan reaksi, pindahgantian dan sublimasi. Lihat Ma'rof Redzuan & Haslinda Abdullah (2004). *Psikologi*. (Ed. ke-2). Kuala Lumpur: Mc Graw Hill. hlm. 154-155.

⁴⁶MAIK 345/1919- Report dua orang perempuan di dalam daerah itu duduk berkhalwat dengan orang Sikh yang bekerja angkat batu di Bukit Kechik itu. hlm. 1.

⁴⁷*Ibid.* hlm. Muka hadapan fail.

⁴⁸*Ibid.* hlm. 2.

⁴⁹*Ibid.* hlm. Muka hadapan fail.

Berdasarkan laporan tersebut, peringatan berbentuk nasihat dan amaran tidak terhad hanya kepada orang Islam sahaja. Dalam laporan tersebut, orang Sikh juga diberi amaran supaya tidak berkhawat dengan pasangannya yang beragama Islam. Perkara tersebut menunjukkan bahawa, MAIK memandang berat terhadap orang bukan Islam yang berkhawat dengan orang Islam. Jika nasihat dan amaran hanya diberikan kepada orang Islam yang terlibat sahaja, masalah sosial tersebut tidak dapat dibanteras dengan berkesan.

Sehubungan dengan itu, dalam pemerhatian pengkaji terhadap fail-fail MAIK, nasihat dan amaran yang dikeluarkan kepada mereka yang terlibat dengan masalah salah laku seksual tidak hanya terhad kepada masyarakat Islam sahaja. Dalam laporan lain, MAIK telah memberi nasihat dan amaran kepada orang Cina iaitu Tuyang yang disyaki berkhawat di rumah Wan Munah. Dalam kenyataannya kepada MAIK, Tuyang memberi alasan bahawa:

“...pada waktu gemulah In. Umar ada dahulu boleh dikatakan hari-hari saya pergi kerana ia dan biniya itu seorang kawan saya yang baik semacam adik-beradik. In. Semua tau In. Aisyah itu pun saya kenal dia anak tiri gemuluh In. Umar dan janda Muhammad bin Mustar dia kahwin dengan Muhammad itu sedang saya berulang juga di rumah In. Umar itu dan dia bercerai bila-bila saya tidak tahu sebab saya tidak ambil tahu itu dan saya pun tidak pernah bercakap dengan In. Semua tau In. Aisyah itu kadang kala sahaja ada jumpa dengan ke mana pergi saya tidak ketahu.”⁵⁰

Alasan Tuyang tersebut telah dipertimbangkan oleh MAIK. Bagi memastikan Tuyang tidak terjebak dalam perlakuan khalwat dengan orang Melayu, pihak MAIK mengeluarkan sekeping memo amaran yang tegas kepada Tuyang supaya beliau tidak berulang-alik lagi ke rumah In. Aisyah bagi mengelakkan prasangka buruk orang ramai selain untuk mengelakkan daripada berlakunya perkara yang ditegah oleh agama Islam. Memo yang ditandatangani oleh Setiausaha MAIK tersebut berupa amaran terakhir kepadanya supaya perkara tersebut tidak dipandang sepi. Berdasarkan memo tersebut, jika Tuyang melanggar amaran yang diberikan tersebut, tindakan yang lebih tegas dikenakan terhadapnya. Sila rujuk lampiran 5.1 untuk melihat memo amaran kepada Tuyang supaya beliau tidak lagi berulang-alik ke rumah In. Aisyah.

Laporan Palsu

Pentadbiran MAIK sentiasa memastikan hanya mereka yang terlibat dengan masalah salah laku seksual sahaja dikenakan tindakan. Mereka tidak mahu ada pihak yang difitnah melakukan perbuatan yang tidak bermoral tersebut. Berhubung dengan hal ini, MAIK juga menerima laporan palsu seperti dalam laporan khalwat. Dalam fail MAIK 83/1927, seorang anggota polis bernombor 224 yang bernama Taib tidak percaya terhadap tangkapan khalwat yang melibatkan isterinya dengan Deris bin Abu Bakar walaupun tangkapan tersebut dilakukan oleh Lans Koperal In. Wel bersama dengan tiga orang saksi. Berhubung dengan perkara ini, Setiausaha MAIK dalam laporannya menegaskan bahawa kes tersebut telah digugurkan kerana suami Mek Wok tidak percaya terhadap tangkapan khalwat yang melibatkan isterinya dengan Deris. Tambahan pula, Deris sememangnya kerap ke rumahnya. Setiausaha MAIK menambah

⁵⁰MAIK 278/1938- Berkenaan dengan seorang bangsa Cina berkhawat dengan perempuan Melayu di sebuah rumah In. Aisyah isteri In. Muhammad di sebelah hulu sedikit daripada Lorong Gajah Mati. hlm. 5.

bahawa, kes tersebut sebenarnya merupakan fitnah semata-mata kerana suami Mek Wok dan Mek Wok sendiri pernah berkelahi dengan Lans Koperal In. Wel dan isterinya.”⁵¹

Berhubung dengan laporan yang diterima oleh MAIK, pentadbiran MAIK tidak mengesampingkan pelbagai perkara bagi memastikan hanya mereka yang benar-benar bersalah dikenakan tindakan. Dalam laporan tersebut, sikap masyarakat yang sanggup membuat fitnah kerana berkhawatir merupakan lantaran daripada perselisihan pendapat yang wujud antara mereka yang terlibat. Lebih malang lagi, perkara tersebut dilakukan oleh seorang anggota polis yang berpangkat. Sikap yang dizahirkan oleh Lans Koperal In. Wel menunjukkan sikap tidak bertimbang rasanya kerana sanggup menabur fitnah terhadap Mek Wok. Mujurlah, suaminya tidak cepat melatah dan dapat menghidu niat jahat In. Wel.

Tindakan In. Wel dalam laporan ini bukan sahaja mencemarkan imejnya sebagai anggota polis yang berpangkat, malahan mencemarkan imej pasukan polis Kelantan secara langsung. Masalah peribadi dengan pihak lain harus diselesaikan melalui perbincangan dan bukannya melalui jalan yang boleh menjejaskan perjawatan In. Wel dalam pasukan polis Kelantan. Tingkah laku tidak terkawal yang ditunjukkan oleh In. Wel berpunca daripada kegagalannya mengawal dendam yang terbuku dalam dirinya.⁵² Hal inilah yang mungkin menyebabkannya tidak berfikir panjang sebelum membuat tindakan yang tidak beretika tersebut.

Tidak Mengendahkan Nasihat

Dalam masyarakat Melayu, amalan saling memberi nasihat merupakan antara amalan yang digalakkan kerana amalan tersebut mampu melahirkan sebuah masyarakat yang harmoni. Walaupun kadang kala nasihat tersebut amat pahit untuk ditelan oleh si penerima nasihat, hal tersebut perlu dilakukan dalam sesetengah perkara bagi mengelakkan perkara yang lebih buruk berlaku. Perkara ini pula berhubung kait dengan kebijaksanaan si pemberi nasihat dalam menyampaikan sesuatu nasihat supaya si penerima nasihat akur dengan nasihat tersebut.

Berhubung dengan masalah salah laku seksual, anggota masyarakat yang prihatin menjadikan nasihat sebagai langkah awal untuk membawa mereka yang terlibat dengan masalah salah laku seksual kembali ke pangkal jalan. Walaupun mereka hanyalah masyarakat biasa, tindakan mereka memberikan nasihat membuktikan sokongan padu mereka terhadap segala usaha MAIK menangani masalah salah laku seksual dalam masyarakat Islam di Kelantan.

Berdasarkan penelitian pengkaji, golongan imam berada di tangga teratas dalam menasihati mereka yang terlibat dengan masalah salah laku seksual. Hal ini kerana, perkara tersebut merupakan sebahagian daripada tanggungjawab mereka dalam sesebuah mukim. Walaupun pemberi nasihat tersebut merupakan golongan yang dihormati dalam masyarakat seperti imam, tidak semua yang terlibat akur dengan nasihat tersebut.

Menyentuh berkenaan dengan perkara ini, Imam Surau Tok Uban iaitu Haji Ismail telah menasihati pasangan yang bersekedudukan supaya mereka segera meninggalkan perbuatan yang tidak bermoral tersebut. Haji Ismail melaporkan bahawa Membunga binti Soleh dari Kampung Tok Uban bersekedudukan sekitar dua bulan dengan Majid dari Kampung Simpul. Ironinya, Membunga itu masih lagi isteri orang yang mana suaminya bernama Ya'akub berada dalam penjara. Haji Ismail telah beberapa

⁵¹MAIK 83/1927- Hantar sekelamin perempuan yang berkhawatir yang ditangkap di berek rumah pasung Kuala Jambu malam Selasa 28. 2. 27 Mek Wok binti Derahman dengan Idris bin Abu Bakar. Ditangkap oleh Lans Koperal In. Wel nombor 187. hadapan fail.

⁵²Untuk keterangan lanjut berkenaan dengan nilai bertimbang rasa, lihat Zainal Kling (2012). *Minda Melayu Sejahtera*. Dalam Mohd. Yusof Hasan (ed.). *Minda Melayu Global*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris. hlm. 77-78.

kali memberi nasihat dan amaran kepada mereka, namun hanya cemuhan dan makian yang diterimanya kembali.⁵³

Laporan tersebut menjelaskan bahawa sikap keras kepala pasangan yang terlibat dengan masalah bersekedudukan tersebut walaupun telah beberapa kali diberikan nasihat. Apa yang lebih menjelikan, sikap mereka berdua yang mencemuh dan memaki Haji Ismail menunjukkan bahawa mereka berasa marah kerana Haji Ismail dianggap telah mengganggu hak mereka. Perkara ini berhubung kait dengan keadaan emosi manusia yang sebenarnya dirangsang oleh faktor-faktor tertentu.⁵⁴

Dalam laporan lain, Lebai Mamat yang menjawat jawatan sebagai imam di Surau Badak Mati menasihati pasangan yang bersekedudukan bernama Mamat dan Mek Mas dari Kampung Pauh Lima. Nasihat yang diberikan beberapa kali dilihat tidak membawa sebarang hasil kerana pasangan tersebut tidak mahu menikah.⁵⁵ Seperti dalam kebanyakan laporan yang diterima oleh MAIK, mereka yang memberi nasihat merupakan imam atau anggota masyarakat di kawasan yang sama dengan mereka yang terlibat dengan masalah salah laku seksual. Hal ini bermaksud, mereka saling mengenali antara satu sama lain. Lantaran itulah yang mungkin menyebabkan mereka yang terlibat dengan masalah salah laku seksual tidak menghiraukan nasihat yang ditujukan kepada mereka.

Perkara yang sama juga berlaku apabila Inchik Harun yang merupakan Imam Muda di Surau Pendek memberikan nasihat kepada mereka yang terlibat dalam masalah bersekedudukan. Nasihat beliau kepada Mek Senik yang bersekedudukan dengan bekas suaminya tidak dipedulikannya. Tambahan pula, Mek Senik telah diceraikan oleh bekas suaminya dengan talak tiga.⁵⁶ Berhubung dengan peranan imam dalam memberi nasihat kepada anak mukimnya yang terlibat dengan pelbagai masalah seperti masalah salah laku seksual, peranan tersebut adalah selaras dengan surat kuasa pelantikan sebagai imam yang diterima oleh mereka.⁵⁷

Lantaran itulah, golongan imam merupakan golongan yang paling ramai memberi nasihat kepada mereka yang terlibat dengan masalah salah laku seksual di mukim masing-masing. Tanggungjawab yang mereka galas bukan hanya tercatat dalam surat kuasa pelantikan mereka sebagai imam, namun dijelmakan melalui tindakan yang tersusun dan berhemah demi memastikan kemaslahatan masyarakat Islam. Walau bagaimanapun, nasihat yang disampaikan oleh golongan ini tidak mudah untuk diterima dengan hati yang terbuka oleh mereka yang terlibat dengan masalah salah laku seksual. Cemuhan dan herdikan merupakan perkara yang biasa mereka hadapi walaupun ternyata mereka berada di pihak yang benar.

Selain imam, mereka yang dihormati dalam kalangan masyarakat turut memainkan peranan dalam menasihati mereka yang terlibat dengan masalah salah laku seksual. Dalam fail MAIK 417/1932, nasihat Haji Awang Senik bin Haji Mamat kepada Mek Som dan Ali Malbari supaya mereka menikah tidak dipedulikan mereka.⁵⁸ Dalam hal ini, Haji Awang boleh diletakkan dalam kelompok masyarakat setempat yang dihormati oleh anggota masyarakat disebabkan gelaran “Haji” yang dipakai olehnya pada

⁵³MAIK 166/1931- Report perempuan nama Membunga binti Soleh dan Embun binti Kacing duduk berkhawat seperti laki bini dengan Ya'akub dan Daud pada hal kedua perempuan itu bini orang. hlm. 1.

⁵⁴Mahmood Nazar Mohamed (1990). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 330-331.

⁵⁵MAIK 56/1918- Berkenaan dengan seorang nama In. Mamat berkhawat dengan perempuan nama Mek Mas binti Talib Kampung Pauh Lima di dalam Mukim Badak Mati. hlm. 1.

⁵⁶MAIK 68/1924- Report seorang perempuan nama Mek Senik duduk berkhawat dengan jandanya nama Hamzah di rumahnya sendiri di Kampung Pendek itu dan telah dinasihati berapa kali tidak juga enggan daripada melakukan pekerjaan itu. hlm. 1.

⁵⁷Surat Kuasa Surau Kechik. Undang-undang Nombor 10 Tahun 1916, Undang-undang dan Peraturan bagi Masjid dan Surau. hlm. Tiada halaman.

⁵⁸MAIK 417/1932- Ali Malbari berkhawat dengan Mek Som dan Abdul Fati Kabul dengan Mek binti Mat Hasan kedudukannya seperti laki bini di kedai Keteril itu minta Majlis jalankan apa-apa ke atasnya. hlm. 8.

pangkal namanya.⁵⁹ Hal tersebut lantaran beliau telah melaksanakan Rukun Islam yang kelima, iaitu menunaikan fardu haji.⁶⁰ Keengganan mereka yang terlibat dengan masalah salah laku seksual untuk meninggalkan perbuatan tersebut bukan sahaja mengecewakan golongan tersebut yang bersungguh-sungguh menasihati mereka, malah telah mencemarkan imej agama Islam.

Dalam beberapa laporan tersebut, aspek nilai sesebuah masyarakat menjadi penentu kepada tindak balas anggota masyarakat terhadap sesuatu perkara. Perkara ini termasuklah dalam aspek menasihati mereka yang terlibat dengan masalah salah laku seksual. Hal ini kerana:

“Nilai melibatkan pemeringkatan (*grading*) idea, tindakan dan barangan yang dihasilkan mengikut apa yang ‘patut dan tidak patut’, ‘dikehendaki dan tidak dikehendaki’ dan seterusnya. Dalam pemeringkatan itu terdapat perkara yang diberi nilai (keutamaan) yang sangat tinggi, tinggi, rendah, sangat rendah dan tidak dikehendaki.”⁶¹

Dalam masyarakat Melayu Kelantan yang menjadikan Islam sebagai agama anutan dan peraturan hidup, nilai-nilai yang bertentangan dengan ajaran Islam mewujudkan ketidakselesaan dalam kalangan masyarakat tersebut. Hal ini kerana, agama Islam memberi impak yang besar dalam sistem nilai atau etos Melayu.⁶² Lantaran itulah, segala tindakan yang dilakukan perlu selari dengan ajaran Islam sebenar dan bukannya mengikut kehendak masing-masing.

Ringkasnya, keengganan mereka yang terlibat dengan masalah sosial meninggalkan perbuatan tersebut setelah dinasihati menyebabkan tindakan menangkap dan seterusnya menjatuhkan hukuman dilakukan oleh MAIK. Walaupun individu yang menasihati mereka merupakan seorang yang dihormati dalam masyarakat, sebahagian mereka tidak merasa malu dan berani meneruskan perbuatan yang tidak bermoral tersebut. Perkara inilah yang menjadi cabaran kepada MAIK dalam menangani masalah sosial dalam kalangan masyarakat Islam di Kelantan. Nasihat dan amaran yang diberikan belum cukup untuk menakutkan sebahagian mereka yang terlibat dan seterusnya kembali ke pangkal jalan. Hal ini berhubung kait dengan lemahnya pegangan agama Islam dalam kalangan mereka yang terlibat.

Rumusan

Sebagai sebuah institusi yang mengendalikan hal ehwal masyarakat Islam, MAIK tidak dapat lari daripada pelbagai cabaran. Tambahan pula, pentadbiran dari aspek masalah sosial melibatkan banyak perkara yang perlu diambil kira bagi memastikan kelancaran setiap tindakan daripada MAIK. Cabaran tersebut bukan hanya melibatkan tangkapan terhadap pesalah semata-mata tetapi juga melibatkan nyawa mereka yang diberi surat kuasa menjalankan tangkapan terhadap mereka yang terlibat dengan masalah sosial. Hal ini juga berkaitan dengan pelbagai kerenah daripada mereka yang terlibat seperti tidak memberikan kerjasama semasa proses tangkapan, tidak insaf dengan hukuman yang dijatuhkan, melarikan diri daripada dikenakan tindakan, membuat pengakuan palsu dan tidak mengendahkan nasihat.

⁵⁹J. M. Gullick (1987). *Malay Society in The Late Nineteenth Century*. Singapore: Oxford University Press. hlm. 300.

⁶⁰Ibadah haji merupakan salah satu rukun yang diwajibkan kepada umat Islam yang memenuhi syarat seperti Islam, baligh, berakal, merdeka dan berkemampuan. Ibadah haji merupakan kunjungan ke Baitullah (ka’bah) di Mekah untuk melakukan beberapa ibadah yang telah disyariatkan. Lihat Haron Din (2007). *Islam: Ibadah Pembina Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd. hlm. 75-81.

⁶¹Hanapi Dollah (2007). Etos Melayu. Dalam Anwar Din (ed.). *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*. Bangi: Penerbit UKM. hlm. 97.

⁶²Judith Nagata (1986). The Impact of The Islamic Revival (Dakwah) in The Religious Culture of Malaysia. Dalam Bruce Matthews & Judith A. Nagata. (ed.). *Religion Values and Development in Southeast Asia*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies. hlm. 37.

Terdapat juga orang Islam yang bersekedudukan atau berkhawat dengan orang bukan Islam kesan daripada kemasukan imigran ke Kelantan. Perkara ini berkaitan dengan permintaan dan penawaran dalam masalah sosial tersebut akibat daripada ketidakseimbangan gender dalam kalangan imigran yang masuk ke Kelantan. Selain itu juga, cabaran yang diterima MAIK juga adalah daripada laporan palsu yang diterimanya. Walau bagaimanapun, pentadbiran MAIK sentiasa memastikan segala laporan yang diterimanya disiasat dengan sebaiknya bagi memastikan mereka yang terlibat dengan masalah sosial dikenakan tindakan yang sewajarnya. Penting untuk ditekankan di sini bahawa, cabaran tersebut sebenarnya memamatkan MAIK dari tahun ke tahun dalam tadbir urus masalah sosial yang melibatkan masyarakat Islam di Kelantan.

Rujukan

- Abdul Razak Mahmud (1990). Tujuh Puluh Lima Tahun Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. *Pengasuh*. Bil. 507(12).
- Abdul Razak Mahmud (2005). *Ikhtisar Sejarah Kelantan*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Abdul Razak Mahmud (2010). *MAIK: Peranannya Dalam Bidang Keagamaan, Persekolahan dan Penerbitan di Kelantan Sehingga 1990*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Razak Mahmud (2013). Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK): Sejarah Penubuhan dan Kegiatan Awalnya Sehingga 1925. Dalam Mahmood Zuhdi Hj Abd Majid, Abdul Razak Mahmud & Nik Safiah Karim (ed). *Puri Kencana: Kecemerlangan Satu Abad Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- C.O. 273/353. Ralph Paget kepada Sir Edward Grey. 30 Mei 1909.
- C.O. 273/354 Foreign Office kepada Colonial Office. 25 Ogos 1909.
- C.O. 273/399. Kelantan Planters Association kepada Arthur Young. 15 Mei 1913.
- Editor (1919). Ulang Tahun yang Ketiga Bagi Majlis Ugama Islam. *Pengasuh*. Bil. 13(1).
- Gullick, J. M. (1987). *Malay Society in The Late Nineteenth Century*. Singapore: Oxford University Press.
- Hanapi Dollah (2007). Etos Melayu. Dalam Anwar Din (ed.). *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Haron Din (2007). *Islam: Ibadah Pembina Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Ma'rof Redzuan & Haslinda Abdullah (2004). *Psikologi*. (Ed. ke-2). Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Mahmood Nazar Mohamed (1990). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Zuhdi Haji Abd. Majid (2013). Pentadbiran Fatwa di Negeri Kelantan: Prestasi 100 Tahun di Bawah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Dalam Mahmood Zuhdi Hj Abd Majid, Abdul Razak Mahmud & Nik Safiah Karim (ed). *Puri Kencana: Kecemerlangan Satu Abad Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- MAIK 56/1918- Berkenaan dengan seorang nama In. Mamat berkhawat dengan perempuan nama Mek Mas binti Talib Kampung Pauh Lima di dalam Mukim Badak Mati.
- MAIK 345/1919- Report dua orang perempuan di dalam daerah itu duduk berkhawat dengan orang Sikh yang bekerja angkat batu di Bukit Kechik itu.
- MAIK 95/1920- Seorang perempuan nama Bedah binti Awang Chek berkhawat dengan Abdullah bin Ya'akub perempuan itu bini Ahmad. Perempuan itu ditangkap oleh Setiausaha Majlis pada malam 9 Mac 1920.
- MAIK 302/1920- Tangkap seorang perempuan Melayu nama Jah binti Samad berkhawat dengan seorang Cina nama Poh Alok bangsa Hailam. Berkhawat di gudang bernombor (537) Jalan Tuan Besar.
- MAIK 382/1920- Minta Majlis beri kuasa yang khas kepada Mahkamah Kadi Kuala Kerai supaya boleh menangkap perempuan-perempuan dan laki-laki yang jahat di bandar Kuala Kerai dan lainnya.
- MAIK 9/1921- Report darihal perempuan-perempuan sundal pada masa ini terlalu banyak di dalam bandar Pasir Emas.
- MAIK 228/1921- Minta kuasa menangkap perempuan jahat yang berkhawat di dalam daerah Temangan kerana pada masa ini banyak benar perempuan jahat di sana.

- MAIK 276/1921- Tangkap empat kelamin perempuan jahat berkhawat dengan Siam menora di Pasir Emas ditangkap pada 27 Julai 1921.
- MAIK 362/1921- berkenaan dengan perempuan jahat nama Sofiah berkhawat dengan Husin Sofiah itu bini Awang Pak Su ditangkap di Sabak.
- MAIK 15/1922- Tentang perempuan jahat itu nampaknya tidak memberi bekas dan Tuan Kadi minta ubah dengan hukuman rotan.
- MAIK 211/1922- Telah tangkap sekelamin perempuan jahat yang berkhawat pada malam 2.7.22 nama Yusuf Pak Muda dengan Membunga anak Mek Nal Penambang.
- MAIK 338/1922- Report telah tangkap perempuan jahat nama Aisyah binti Jusoh yang berkhawat dengan Cina Seng di Kampung Cina pada malam 6.11.22 waktu pukul 12 ½.
- MAIK 270/1923- Report yang dia telah tangkap perempuan Wok binti Awang pasal berkhawat dengan Ratna ... kereta api Stesen Palekbang pada pukul 9 ½ malam 14. 11. 23.
- MAIK 21/1924- Report ke Majlis yang dia telah tangkap orang berkhawat nama perempuan Halimah binti Musa dengan Incik Ali bin Osman tangkap pada malam 21 Januari 1924.
- MAIK 68/1924- Report seorang perempuan nama Mek Senik duduk berkhawat dengan jandanya nama Hamzah di rumahnya sendiri di Kampung Pendek itu dan telah dinasihati berapa kali tidak juga enggan daripada melakukan pekerjaan itu.
- MAIK 83/1927- Hantar sekelamin perempuan yang berkhawat yang ditangkap di berek rumah pasung Kuala Jambu malam Selasa 28. 2. 27 Mek Wok binti Derahman dengan Idris bin Abu Bakar. Ditangkap oleh Lans Koprak In. Wel nombor 187.
- MAIK 61/1929- Tuan Komisioner Polis mengadu di dalam perkara Majlis Ugama menggunakan mata-mata gelap bagi menangkap perempuan-perempuan jahat.
- MAIK 166/1931- Report perempuan nama Membunga binti Soleh dan Embun binti Kacing duduk berkhawat seperti laki bini dengan Ya'akub dan Daud pada hal kedua perempuan itu bini orang.
- MAIK 276/1931- Berkenaan dengan Maryam. In. Yam binti In, Ishak. Zainab dan Zainab membuat perkara yang ditegah oleh hukum syarak di dalam bandar Bachok itu.
- MAIK 235/1932- Report tangkap perempuan-perempuan yang berkhawat iaitu Cina Beng dengan In. Sofiah dan Cina Tek Gee dengan Selamah tangkap pada malam 6.10.23 di Tumpat.
- MAIK 417/1932- Ali Malbari berkhawat dengan Mek Som dan Abdul Fati Kabul dengan Mek binti Mat Hasan kedudukannya seperti laki bini di kedai Keteril itu minta Majlis jalankan apa-apa ke atasnya.
- MAIK 91/1938- Report Seorang nama Abu Seman bin Haji Awang berkhawat dengan perempuan Mek binti Awang Besar Kampung Gertak Melur seperti laki bini diminta Majlis jalankan perdakwaan ke atas mereka itu.
- MAIK 278/1938- Berkenaan dengan seorang bangsa Cina berkhawat dengan perempuan Melayu di sebuah rumah In. Aisyah isteri In. Muhammad di sebelah hulu sedikit daripada Lorong Gajah Mati.
- Maxwell, G. & Gibson, W. S. (1924). *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*. London: James Truscott and Son.
- Morris, Charles G. (1996). *Understanding Psychology*. (3rd Ed.) New Jersey: Prentice Hall.
- Nagata, Judith (1986). The Impact of The Islamic Revival (Dakwah) in The Religious Culture of Malaysia. Dalam Bruce Matthews & Judith A. Nagata. (ed.). *Religion Values and Development in Southeast Asia*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- PBK 114/1916- Perkara empat orang ahli Majlis Agama minta mengadakan undang-undang yang khas bagi tubuh Majlis itu.
- PBK 237/1915- Berkenaan dengan perempuan jahat dan orang-orang Hindu dan Cina menggunakan perempuan Islam dan mengadakan undang-undang menegahkan baginya.
- Penyata MAIK 1916.*
- Penyata MAIK 1917.*
- PMK 63/1920- Berkenaan dengan perempuan-perempuan jahat dan seorang yang bernama Minah binti Jusoh masuk kepada ugama Cina.
- Roff, William R. (1974). The Origins and Early Years of The Majlis Ugama. Dalam *William R.Roff (ed.). Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Surat Kuasa Surau Kechik. Undang-undang Nombor 10 Tahun 1916, Undang-undang dan Peraturan bagi Masjid dan Surau.

- Titah Ucapan DYMM Sultan Kelantan, Sultan Muhammad Yang Ke-4, Upacara Penubuhan Majlis Agama Islam Kelantan 24 Disember 1915.
- Yegar, Moshe (1979). *Islam and Islamic Institutions in British Malaya: Policies and Implementation*. Jerusalem: The Magnes Press.
- Yukl, Gary (2010). *Leadership in Organizations*. (7th Ed.) New Jersey: Prentice Hall.
- Zainal Kling (2012). Minda Melayu Sejagat. Dalam Mohd. Yusof Hasan (ed.). *Minda Melayu Global*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.